

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 38

Baki-baki di bawah telah diambil daripada buku perniagaan Rajaram pada 31 Disember 2016, iaitu selepas penyata kewangan disediakan:

	RM
Kenderaan	54,000
Pelaburan	15,000
Inventori	6,340
Akaun belum terima	4,110
Sewa terdahulu	650
Bank	3,850
Tunai	550
Akaun belum terima	3,780
Modal	72,480
Untung bersih	8,240

Pemilik telah mengesahkan kesilapan-kesilapan berikut:

- (i) Stok alat tulis sebanyak RM80 telah diambil kira sebagai stok barang niaga. Belanja alat tulis telah direkodkan dengan betul.
- (ii) Bank telah mengreditkan dividen pelaburan dalam akaun bank perniagaan sebanyak RM380. Buku tunai belum lagi dikemaskinikan dengan maklumat ini.
- (iii) Diskaun yang diberi kepada seorang akaun belum terima berjumlah RM40 telah direkodkan sebagai diskal yang diterima daripada seorang akaun belum bayar.
- (iv) Jumlah jualan dan belanja upah telah dilebihnyatakan dengan amaun yang sama, iaitu RM120.
- (v) Belanja membaiki kenderaan sebanyak RM160 telah direkodkan secara salah di akaun kenderaan.
- (vi) Penerimaan cek RM280 daripada seorang akaun belum terima telah direkodkan secara sonsang.
- (vii) Ambilan barang niaga oleh pemilik untuk tujuan promosi sebanyak RM320 telah direkodkan dengan amaun yang salah, iaitu RM230.
- (viii) Pembayaran cek RM220 kepada akaun belum bayar Rahim telah direkodkan sebagai pembayaran kepada akaun belum bayar Halim.

Dikehendaki:

(a) Merekod perkara-perkara di atas mengikut format jadual yang diberikan di bawah:

Akaun-akaun	Urus niaga									
	Baki awal	(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)	(vii)	(viii)	Baki akhir
ASET	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kenderaan										
Pelaburan										
Inventori										
Akaun belum terima										
Sewa terdahulu										
Bank										
Tunai										
										Jumlah Aset
LIABILITI										
Akaun belum bayar										
										Jumlah liabiliti
EKUITI PEMILIK										
Modal										
Untung bersih										
										Jumlah ekuiti pemilik

(b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 31 Disember 2016 setelah perkara-perkara di atas diambil kira.